

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 NOVEMBER 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Membudaya dunia reka cipta	Sinar Harian Online
2.	Taman permainan perlu ikut standard	Sinar Harian
3.	Noh: Equip playgrounds to compete with virtual world	The Star
4.	Bomba tumpu gelombang kedua banjir di Pantai Timur	BERNAMA
5.	Sedia hadapi gelombang kedua banjir	MyMetro
6.	Amaran cuaca buruk tiga hari	MyMetro
7.	Amaran cucaca buruk tiga hari	Harian Metro
8.	Pulau Pinang lumpuh selepas ditenggelami bah	Kosmo
9.	DNx terima sijil SIRIM	Utusan Malaysia
10.	Protect your home	The Star
11.	Locally-made computerised system launched for marching sector	The Star



Membudaya dunia reka cipta



Para peserta bergambar bersama tetamu kehormat yang hadir pada majlis perasmian penutup program.

IICE 2017 cungkil bakat pelajar UiTM, berjaya himpukan lebih 50 projek inovasi

Sebanyak 56 projek inovasi dan rekaan dihasilkan pelajar-pelajar dari pelbagai fakulti cawangan UiTM seluruh Malaysia dihimpunkan dalam pertandingan Innovation, Inventive and Creative Exhibition (IICE 2017) yang dianjurkan baru-baru ini.

Penasihat Program IICE 2017, Noor Amiera Alias berkata, program yang diketuai Persatuan Pelajar Pemulihan Carakerja (OTSA) itu dianjurkan bagi mencungkil bakat terpendam para pelajar Fakulti Sains Kesihatan (FSK) khususnya dan juga fakulti-fakulti lain dalam menghasilkan produk inovasi serta kreativiti bagi membudayakan dunia reka cipta dan inovasi yang boleh dijana dari pelbagai sumber.

Menurutnya, program itu juga bertujuan melahirkan pelajar yang kreatif dan mampu berdaya saing serta mampu keluar daripada kotak pemikiran yang biasa-biasa.

"Pertandingan tersebut diadili oleh barisan juri jemputan yang terdiri daripada para penggiat inovasi dan inventor dari seluruh Malaysia bagi menilai produk, idea atau proses kerja yang dihasilkan oleh para pelajar.



Para pemenang Anugerah Utama IICE 2017 meraikan kemenangan mereka.

"Program yang dihadiri lebih 500 pelajar dan kakitangan universiti itu dirasmikan oleh **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** yang begitu kagum dengan idea-idea yang dihasilkan para pelajar dalam menghasilkan produk baru," katanya dalam satu kenyataan media.

Noor Amiera berkata, salah satu produk inovasi alat bantuan pergerakan yang dibuat oleh pelajar iaitu quadriframe juga dipilih oleh Abu Bakar untuk dibentangkan di peringkat kementerian dan akan dimajukan kepada pihak Perkeso untuk dikomersialkan.

Hadir sama pada majlis, Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Datuk Dr Hasan Said; Timbalan-timbalan Rektor dan juga dekan-dekan dari fakulti-fakulti yang bertanding.

Selain itu, terdapat beberapa anugerah yang diberikan kepada para peserta iaitu Best Idea Award, Best Poster Presentation and Booth Award, Potential Project Award dan Anugerah Tertinggi Diamond Award.



Abu Bakar (dua, kiri) menyampaikan Diamond Award kepada pemenang anugerah tertinggi.

Best Idea Award dimenangi oleh Saiful Adli dari Fakulti Sains Kesihatan, manakala Best Poster & Booth dirangkul oleh pasukan dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik.

Anugerah Potential Project dan Diamond Award pula dimenangi oleh projek quadriframe dari FSK.

Dalam pertandingan tersebut juga, sebanyak 20 produk dinobatkan sebagai pemenang pingat emas, manakala selebihnya memenangi pingat perak dan gangsa.



Taman permainan perlu ikut standard



Noh Omar

PUTRAJAYA - "Setiap pembinaan dan penyediaan taman permainan kanak-kanak perlu mengikuti standard Dasar Landskap Negara dan menepati Garis Panduan Landskap Negara Taman (GPLNT)," kata Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar.

Beliau berkata, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu menentukan segala standard dan keperluan bagi taman permainan dipenuhi di peringkat perancangan iaitu kelulusan pelan pembangunan yang mengambil kira keperluan ruang yang mencukupi, reka bentuk, penyediaan dan pembangunannya mengikut spesifikasi yang ditetapkan pihak berwajib.

Katanya, Dasar Landskap Negara antara lain menekankan landskap yang berkualiti serta mampan dan diperkuuhkan dengan perundungan serta garis panduan landskap yang komprehensif manakala GPLNT menentukan keperluan ruang, susun atur, reka bentuk, elemen landskap lembut dan kejur bagi membangunkan sesebuah taman permainan yang berkualiti, berfungsi serta keperluan penyelenggaraan yang rendah.

"Sesebuah taman permainan berjaya memenuhi fungsi pembinaannya jika taman itu mempunyai reka bentuk yang sempurna, menepati ciri-ciri yang ditetapkan berdasarkan keperluan dan keadaan fizikal kanak-kanak serta selamat untuk digunakan.

Taman permainan yang baik mampu menyediakan pelbagai bentuk pengajaran dan juga persekitaran bermain yang baik, selamat, menyeronokkan serta dapat memberikan kesan yang maksimum kepada perkembangan kanak-kanak mengikut peringkat perkembangan umur masing-masing," katanya semasa merasmikan Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kakan-Kanak 2017: **Pemakaian Standard Malaysia MS 966:2017 dan MS 2665:2017** di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha kementerian Datuk Seri Mohammad Mentek.

Kerajaan komited membangunkan taman-taman awam serta melengkapannya dengan keperluan ruang rekreasi dengan taman permainan dan alatan permainan kanak-kanak,

Sejak 1997 hingga 2013, sebanyak 45 taman awam dibina di seluruh negara dengan peruntukan sebanyak RM500 juta, manakala dalam tempoh dua tahun Rancangan Malaysia Ke-11 sejumlah RM57 juta diluluskan bagi pembangunan lima taman awam dan 38 projek persekitaran kehidupan, katanya.

Noh bagaimanapun kesal dengan situasi terkini taman-taman permainan di kawasan perumahan yang sering rosak akibat kegiatan vandalisme, malah lebih teruk alatan mainan kanak-kanak seperti buaian, gelongsor dan jongkang-jongket turut digunakan oleh orang dewasa.

Sehubungan itu, Noh mahu PBT selaku agensi bertanggungjawab turun padang bagi menentukan taman-taman yang telah dibina dengan alat permainan kanak-kanak diselenggara dengan sempurna melalui pemeriksaan berkala wajib dilakukan bagi memastikan peralatan tersebut sentiasa berada dalam keadaan selamat. - Bernama

Noh: Equip playgrounds to compete with virtual world

PUTRAJAYA: Playgrounds should no longer be just about swings, slides and see-saws but a place where children can also improve their knowledge and develop social skills.

This is the kind of playground needed to get the young ones to come out and play, said Urban Wellbeing, Housing and Local Government Minister Tan Sri Noh Omar.

He said the digital era has resulted in children spending more time in the virtual world instead of engaging in physical activities and interacting with their peers.

He said that gone were the days when large open spaces awaited the young, enticing them to play games such as *konda-kondi*, catapult, police and thieves, and others that encouraged physical, mental and social development.

"This is why our playgrounds must now include elements of knowledge building and discovery so that children can boost their intelligence and social skills.

"This is important, apart from ensuring

that these spaces are comfortable, safe and can be used by children of different ages and abilities," he said.

His speech was read out by ministry secretary-general Datuk Seri Mohammad Mentek at the opening of a seminar on children's playgrounds and the use of standards to set up these facilities.

Noh said the Government, aiming to make Malaysia "a country in a garden" by 2020 and encourage positive growth among the children, created 45 public parks between 1997 and 2013, spending a total of RM500mil for this purpose.

"For the first two years of the 11th Malaysia Plan, RM57mil has been approved for the opening of five public parks and 38 other projects such as playgrounds and mini exercise areas," he said.

Noh said that while the Government is determined to give the people a good quality life, the onus is on them to ensure the facilities provided are not vandalised.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 15 NOVEMBER 2017 (RABU)



Bomba Tumpu Gelombang Kedua Banjir Di Pantai Timur

PUTRAJAYA, 14 Nov (Bernama) -- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memberi tumpuan ke kawasan Pantai Timur dalam menghadapi gelombang kedua banjir, kata Ketua Pengarahnya Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim.

"Selepas negeri di utara, tumpuan kita kini beralih kepada Pantai Timur kerana jika mengikut ramalan cuaca, gelombang kedua lebih kepada negeri di Pantai Timur sebelum bergerak ke selatan serta Sabah dan Sarawak," katanya.

Sebelum ini, Pulau Pinang dilanda banjir luar biasa sehingga melumpuhkan sistem infrastruktur di negeri itu serta mengorbankan tujuh nyawa.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan gelombang kedua akan berlaku hingga tamat pertukaran monsun iaitu dalam minggu pertama November, manakala Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menjangkakan ia akan berlaku hingga hujung November berikutan cuaca yang tidak menentu sekarang.

Beliau ditemui pemberita pada majlis perasmian Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kakan-Kanak 2017: Pemakaian Standard Malaysia MS 966:2017 dan MS 2665:2017 di sini hari ini.

Wan Mohd Nor berkata arahan siap siaga telah dikeluarkan kepada kira-kira 12,000 anggota jabatan itu untuk digerakkan ke lokasi bencana pada bila-bila masa.

Beliau berkata arahan itu merangkumi persediaan peralatan, menyemak prosedur operasi standard berkaitan banjir dan aspek penugasan.

"Tiada arahan pembekuan cuti dibuat ketika ini, katanya.

Beliau turut menasihatkan penduduk di negeri yang dijangka berhadapan gelombang kedua banjir agar tidak terlalu panik dengan situasi tersebut.

"Kita sedia maklum dengan keadaan cuaca dan pada saya, lebih baik penduduk bersiap sedia dari segi dokumen penting dan sebagainya daripada terlalu panik dengan ramalan kedatangan gelombang kedua banjir.

"Mereka tidak perlu risau dengan perkara lain kerana tempat pemindahan telah ditentukan lebih awal dan segala aspek kebajikan seperti makan dan minum akan dijaga dengan baik oleh pasukan yang ditugaskan di tempat pemindahan itu," katanya.



Sedia hadapi gelombang kedua banjir



BUKIT MERTAJAM 05 NOVEMBER 2017. ANGGOTA polis membantu warga emas yang terperangkap di rumahnya yang dilanda banjir di Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 5 November lalu. FOTO ihsan pembaca

POLIS Pulau Pinang bersiapsiaga dan bersedia sepenuhnya menghadapi kemungkinan gelombang kedua dan ketiga perubahan cuaca pada bulan ini hingga Februari depan.

Ketua Polis negeri, Datuk Chuah Ghee Lye berkata, dalam keadaan cuaca tidak menentu, pihaknya mendapatkan maklumat daripada **Jabatan Meteorologi (MET)** mengenai sebarang perubahan cuaca supaya persediaan pemindahan segera boleh dilakukan.

Beliau berkata, pihaknya bimbang jika tidak diambil pendekatan awal segala musibah banjir kilat yang berlaku minggu lalu boleh berulang lagi dan tindakan awal termasuk menyelamatkan aset kerajaan dari mengalami kerosakan perlu dilakukan.

"Kesiapsiagaan semua pegawai dan anggota polis perlu dilaksanakan segera untuk membolehkan tindakan memindahkan segala peralatan dan barang berharga termasuk kenderaan ke tempat lebih tinggi sebelum berlaku hujan lebat atau paras air meningkat.

"Apa yang berlaku minggu lalu boleh dijadikan pengajaran dan iktibar buat semua terutama mangsa banjir dalam kalangan anggota polis yang tinggal di Perumahan Polis Fasa 1, Bandar Baru Farlim," katanya ketika menghadiri Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut (IPDTL) di Georgetown, hari ini.

Hadir sama, Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Anuar Omar.



CHUAH Ghee Lye (kiri) menyampaikan sumbangan bantuan banjir kepada anggota polis. FOTO Rudy Syareme Sheriffuddin

Chuah berkata, satu mesyuarat khas termasuk 'post mortem' akan dilakukan dalam tempoh terdekat untuk mengenal pasti segala kepincangan dan kekangan mahupun penambakan yang perlu dilakukan dalam menghadapi masalah banjir.

Beliau berkata, pihaknya sebelum ini mengarahkan semua pegawai dan anggota polis agar dapat mengambil tindakan segera menyelamatkan segala dokumen dan aset penting kerajaan dan dipindahkan ke tempat selamat.

Katanya, berhubung 28 unit Kereta Peronda Polis (MPV) dan 38 Unit Ronda Bermotosikal (URB) yang dimasuki air lumpur dan sebahagiannya mengalami kerosakan, ia dapat dibaiki dan diguna semula.

"Hanya enam MPV sahaja rosak teruk dan sedang dibaiki selain bantuan gantian kenderaan turut diberikan Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) untuk menggantikan kenderaan rosak.

"Namun begitu biarpun pada peringkat awal ada mengalami sedikit permasalahan, orang ramai tidak perlu bimbang tugas pencegahan dan pemantauan jenayah terus dipertingkatkan dan pulih seperti biasa," katanya.

Sementara itu, dalam majlis sama, 53 anggota polis dan orang awam menerima bantuan wang tunai dan barang keperluan selepas rumah mereka ditenggelami banjir.

Amaran cuaca buruk tiga hari



SEORANG penduduk di Jalan Batu Pahat menunjukkan banjir sehingga paras lutut di rumahnya.

Kuala Lumpur: **Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)** mengeluarkan amaran cuaca buruk selama tiga hari bermula semalam di beberapa negeri di utara dan selatan Semenanjung.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan JMM pada jam 12.30 tengah hari semalam, ribut petir, hujan berserta angin kencang dijangka berterusan hingga lewat petang sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga hari lagi.

Hujan lebat juga dijangka berterusan di daerah Yan, Pendang, Kuala Muda, Sik, Baling, Kulim dan Bandar Baharu di Kedah; Pulau Pinang serta Daerah Kerian, Larut, Matang dan Selama di Perak.

Selain itu, cuaca sama juga dijangka berterusan di Daerah Gombak, Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang dan Hulu Langat di Selangor; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Daerah Segamat dan Tangkak di Johor; Daerah Bentong, Temerloh, Maran, Bera, Rompin Pekan dan Kuantan di Pahang.

Orang ramai dinasihatkan agar berwaspada dalam menghadapi amaran hujan lebat dan musim tengkujuh dengan mendapatkan maklumat cuaca daripada laman sesawang JMM.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 15 NOVEMBER 2017 (RABU)



Kuala Lumpur

Amaran cuaca buruk tiga hari

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran cuaca buruk selama tiga hari bermula semalam di beberapa negeri di utara dan selatan Semenanjung.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan JMM pada jam 12.30 tengah hari semalam, ribut petir, hujan berserta angin kencang dijangka berterusan hingga lewat petang sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga hari lagi.

Hujan lebat juga dijangka berterusan di daerah Yan, Pendang, Kuala Muda, Sik, Baling, Kulim dan Bandar Baharu di Kedah; Pulau Pinang serta Daerah Kerian, Larut, Matang dan Selama di Perak.

Selain itu, cuaca sama juga dijangka berterusan di Daerah Gombak, Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang dan Hulu Langat di Selangor; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Daerah Segamat dan Tangkak di Johor; Daerah Bentong, Temerloh, Maran, Berapit, Rompin Pekan dan Kuantan di Pahang.

Orang ramai dinasihatkan agar berwaspada dalam menghadapi amaran hujan lebat dan musim tengkujuh dengan mendapatkan maklumat cuaca daripada laman sesawang JMM.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 32 & 33
TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 (RABU)**

KENDERAAN milik PDRM di ibu Pejabat Polis Daerah Timur turut ditenggelami air.

ORANG ramai ber待udah di sebuah kompleks makam sementara menanti air banjir surut.

BEBERAPA lelaki megharungi banjir untuk menyelamatkan barang berharga di dalam Masjid Negeri Pulau Pinang di Jalan Air Hitam, Georgetown.

GAMBAR dari udara menunjukkan kawasan yang ditenggelami air.

PELMATARISMK Datuk Haji Ahmad Said, yang menduduki peperiksaan SPM menggunakan meja untuk masuk ke dalam bangunan sekolah.

Pulau Pinang lumpuh selepas ditenggelami banchir

HUJAN lebat yang berterusan selama lebih 15 jam telah menyebabkan bekakauan banjir terburuk di Pulau Pinang kira-kira tiga kali sejak banjir terjadi pada pagi 12/45 petang 4 November lalu turut diburuk dengan kejadian ribut hujan.

Hujan lebat yang berlaku pada pagi 12/45 petang 4 November lalu turut diburuk dengan kejadian ribut hujan.

Seluruh kawasan perumahan, pusat

RONA
alam

permajikan, hospital dan pengangkutan di lima daerah iaitu Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Utara serta Seberang Perai Tengah terjejas teruk.

Hujan sebarluh kawasan di negeri ini ditenggelami air sedalam satu hingga 3.6 meter.

Bencana banjir itu juga telah menyebabkan dua unit rumah berkenaan tiga tingkat yang belum didiami di Persiaran Tanjong Emas ranap apabila berlaku tanah runuh.

Lorong

Sementara itu, bencana tersebut telah menyebabkan lebuh raya peninggi berlebihan lebih 30 peratus berdepan kerugian hampir RM300,000 apabila gerai mereka di Asoka Jalan Perak di George Town rosak teruk.

Jalan Perak antara lokasi yang terjejas teruk akibat banjir itu.

Dalam perkembangan lain, kejadian banjir yang berlaku di negeri itu telah menyebabkan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Haji Ahmad Said di Butterworth terpaksa menaiki kori dan kenderaan pacuan empat roda yang disediakan agensi kerajaan

Kompleks Tun Abdul Razak Komtar terpaksa ditutup dan wadi di Hospital Pulau Pinang (HPP) turut dinasuki air.

Hujan yang berterusan itu juga telah menyebabkan dua unit rumah berkenaan tiga tingkat yang belum didiami di Persiaran Tanjong Emas ranap apabila berlaku tanah runuh.

BEBERAPA jalan turut dinatai akibat banjir yang melanda Pulau Pinang baru-baru ini.

menyelamatkan pelajar dan kakitangan hospital terpaksa meredah air untuk menduduki peperiksaan SPM di SMK Detuk Haji Ahmad Said Sungai Dua, Butterworth, Pulau Pinang.

Bersiap sedia

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Alui Bahari berkata, kawasan itu menjadi lokasi penumpuan angin dan kelambongan tinggi yang menghasilkan hujan lebat yang berterusan serta angin kencang.

"Kejadian hujan lebat huar biasa yang melanda Pulau Pinang dan sebahagian daerah di Kedah disebabkan oleh kehadiran kawasan tekanan udara rendah.

"Pembentukan kawasan tekanan udara rendah ini bermula di Laut China Selatan sejak penghujung bulan lalu. Ia bergerak merentasi selatan Thailand sebelum berada di utara Semenanjung Malaysia," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Sementara itu, semua pihak diharu untuk sentiasa bersiap sedia bagi menghadapi perubahan Monsun Timur Laut yang mungkin membawa kepada kejadian banjir yang dijangka berlartut sehingga Februari tahun depan.

SEBAHAGIAN daripada pelajar tingkatan lima terpaksa meredah air untuk menduduki peperiksaan SPM di SMK Detuk Haji Ahmad Said Sungai Dua, Butterworth, Pulau Pinang.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSANBIZ) : MUKA SURAT 15
TARIKH: 15 NOVEMBER 2017 (RABU)

DNex terima sijil SIRIM

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Dagang Net Technologies Sdn. Bhd., anak syarikat Dagang NeXchange Bhd. (DNeX) telah menerima Skim Pengiktirafan Amalan Terbaik Pengurusan Pelanggan daripada SIRIM Bhd. (SIRIM).



SAMSUL HUSIN

Timbalan Pengerusi Eksekutif DNeX, Datuk Samsul Husin berkata, sijil itu mengiktiraf perkhidmatan pelanggan dan operasi Dagang Net dalam menumpukan penyediaan e-Perkhidmatan bagi Fasilitasi Perdagangan iaitu segmen perniagaan kepada kerajaan (B2G) dan perniagaan kepada perniagaan (B2B).

“Kami dengan suka cita menerima sijil ini sebagai bukti kecekapan pengurusan pelanggan Dagang Net serta manfaatnya kepada para pelanggan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Skim Pengiktirafan Amalan Terbaik Pengurusan Pelanggan berkenaan merupakan pensijilan yang boleh diperbaharui setiap tahun, telah disampaikan secara rasmi kepada Dagang Net, baru-baru ini.

Ketika ini, Dagang Net mengendalikan Tetingkap Tunggal Nasional bagi Fasilitasi Perdagangan iaitu sebuah pusat sehenti yang menghubungkan komuniti perdagangan bersama agensi kerajaan serta pelbagai pemain perdagangan dan logistik.

Samsul berkata, pensijilan itu merupakan sebahagian daripada inisiatif pengurusan perkhidmatan pelanggan syarikat dengan matlamat untuk terus menggalakkan kesetiaan kepada jenama terbabit.

“Inisiatif ini memerlukan kami melihat semula status quo, menetapkan objektif yang mustahil, memetakan tindakan dan melaksanakannya,” katanya.

WE often worry about unwanted "guests" like intruders, stray animals and pesky insects that affect security and health.

Majestec Premium Security Doors and Windows are an effective way of maintaining security while allowing clear vision and ventilation.

Majestec Security Screens offer your home security, insect screens, ventilation and clear vision. This aesthetic and functional product is of Australian ingenuity.

Majestec's clear vision security screens utilise the latest Japanese high-tensile wire materials interwoven in-house into strong stainless steel mesh for maximum strength.

The screens allow free flow of fresh air into your home, naturally cooling your living space and reducing energy consumption. At night, windows can be left open without worries. The high-tensile mesh is resilient and almost impossible to cut or break through.

Majestec products have been tested and surpassed standards for impact resistance, point load test, knife shear, jimmy and pull tests. It also protects glass and timber doors from breakage and damage.

Majestec products have met the requirements of Australia and Malaysia Sirim Standard (AS 5039:2008) for security screen doors and window grilles.

Due to its fine mesh, the screens allow you a clear view of the outdoors without compromising the appearance and security of your home.

In an emergency, locks and handles can be easily released from inside. Window locks and removable handles are also available.

Protect your home



Majestec security screens are custom-made and come in a variety of colours to match your home decor.

In high-rise buildings, a higher concentration of occupants, proximity to mass transit facilities and easy access put occupants and property at risk.

With Majestec, unauthorised access is minimised without compromising ventilation or views.

Majestec products are an excellent combination of grilles and insect screens while being easy on the eye.

Majestec security screens are custom-made and come in a variety of colours.

The frames are powder-coated to fulfil a product lifetime of over 10 years. Made of marine-grade steel, the mesh is rustproof and requires low maintenance – just wipe with a damp cloth or flush with water then wipe dry.

Its frames are made from heavy-duty aluminium and

Majestec's product development team can custom-design its products to meet your architectural design and security requirements.

Majestec's product range includes awning windows, casement windows, hinged doors, French doors, bi-fold doors, sliding doors and windows, stacker doors, fixed panels, pool fencing and balustrades and fire escapes.

Curved and triangular panels are available too.

When choosing an important component of home security, check for proof of claims made by the sellers. Majestec has spent considerable resources on engineering its products to pass the many tests they are subjected to.

Majestec holds several patents for its fixing system of binding

the stainless steel mesh to the frames. The panels have been tested to withstand forces of up to 1,100kg.

Majestec products are sold in many countries, including Australia, South Africa and the United States. All these countries require a product to be subjected to stringent testing before being sold to the public.

■ Visit Majestec's showroom at The Curve Shopping Mall, Lot 219B, 2nd Floor, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara (10am to 7pm, Monday to Sunday).

Call for appointment on public holidays. Dealer queries are welcome. Majestec's products are available in Malaysia and Singapore. Call 1300 88 MESH (6374) / 03-6156 1615 or log on to www.meshtec.com.my for more information.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (EVENTS) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 (RABU)

Locally-made computerised system launched for machining sector

JASIN

By ROSHIDI ABU SAMAH
malacca@thestar.com.my

TECHNOLOGY Park Malaysia Corporation Sdn Bhd's (TPM) engineering arm, TPM Engineering Sdn Bhd (TPME), has successfully developed the first Malaysian-made computer numerical control (CNC) desktop machines.

TPM president and chief executive officer Datuk Mohd Azman Shahidin said the first three units of the machines were developed by TPME at a cost of RM100,000 each, about 30% to 50% cheaper than other brands.

He said users of the locally-developed CNC machines could expect prompt after-sales service and technical support as the machines were fabricated by TPME's in-house specialists.

"The reason TPME has dedicated its engineering efforts into the CNC machining sector is because the global engineering industry, ranging from automotive to power plants, requires the machining of parts and components.

"The machining process is a highly viable and lucrative business of the industrial engineering sector," he said when met at



Mohd Azman (centre) explaining about the Malaysian-made computer numerical control desktop machine to Zainah (right). Looking on is Rashidah.

the Merlimau Polytechnic Internship and Career Excellence Day carnival here.

Mohd Azman, who is also TPME chairman, said in Malaysia alone, the CNC machining sector was estimated to be worth

more than RM10bil annually.

He said all parties were welcomed to contact TPME for any enquiries on the locally-developed machine.

Earlier, Mohd Azman presented the first

unit of the CNC desktop machine to Merlimau Polytechnic director Rashidah Mustapa.

He said the remaining two machines had been presented and installed at the Melaka Tengah Vocational College, Bukit Katil, and Advance Technology Training Centre in Alor Gajah, respectively.

"The machines will provide students at the three institutions with the practical knowledge on CNC and automated computer-aided design (CAD) based on industry reality and standard," he said.

Mohd Azman added that TPME would provide special training sessions and courses for lecturers and students in the modules on CNC Machine Designing, Computer-aided Design and Computer-aided Manufacturing (CAD/CAM), CNC Machine Assembly and CNC Machine Maintenance.

"We hope this effort will further enhance the Science, Technology and Innovation Ministry's efforts to empower the science, technology and innovation culture among students," he added.

Also present was Higher Education Ministry's Polytechnic Education Department Industrial Relations and Employability Division director Zainah Rujihan.